

BENTUK KOMUNIKASI IBU BAPA DALAM DAKWAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Safinah Ismail

Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Email: safinah@kuis.edu.my

Nazneen Ismail

Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Email: nazneen@kuis.edu.my

Noraini Mohamad

Pensyarah, Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Emel: norainimohamad@kuis.edu.my

Nur Damia Husna Nor Sad

Pembantu Penyelidik, Geran Penyelidikan Inovasi
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Emel: rhythm_mia@gmx.com

Sharifah Sari Datu Asal

Pembantu Penyelidik, Geran Penyelidikan Inovasi
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Emel: baey3110@gmail.com

ABSTRACT

Komunikasi ibu bapa terhadap anak-anak boleh dijadikan satu medan dakwah dalam pembentukan keluarga yang sejahtera. Justeru penulisan ini membincangkan bentuk komunikasi ibu bapa dalam dakwah terhadap anak-anak menurut perspektif al-Quran. Ia bertujuan mengenal pasti bentuk-bentuk komunikasi ibu bapa dalam dakwah. Seterusnya memfokuskan kepada contoh komunikasi ibu bapa yang dinyatakan dalam al-Quran. Penulisan ini menggunakan metode kualitatif dengan menganalisis dokumen berdasarkan al-Quran, kitab tafsir dan bahan-bahan penulisan yang berkaitan. Dapatan menunjukkan bentuk-bentuk komunikasi ibu bapa dalam dakwah adalah melibatkan lisan dan bukan lisan seperti saling bertegur sapa, menunjukkan contoh yang baik dan menzahirkan kasih sayang. Manakala contoh komunikasi dalam al-Quran pula adalah pengajaran melalui kisah-kisah yang terdapat dalam al-Quran seperti kisah Nabi Nuh A.S, Nabi Yaakob A.S dan Ummu Musa. Antara pengajaran yang diperoleh adalah gambaran kasih sayang ibu bapa terhadap anak dan mengingatkan mereka agar menyembah Allah SWT serta menjaga kerahsiaan. Penulisan ini diharap mampu memberi panduan kepada ibu bapa dalam mengaplikasikan komunikasi yang baik terhadap anak-anak.

Key words: bentuk, komunikasi, ibu bapa, dakwah dan al-Quran

PENGENALAN

Penulisan ini merupakan perbincangan mengenai komunikasi ibu bapa dalam dakwah terhadap anak-anak yang memfokuskan sumber utamanya daripada al-Quran. Penulisan ini mencakupi perbincangan mengenai konsep komunikasi secara umum, diikuti definisi ibu bapa, dakwah dalam komunikasi ibu bapa, bentuk komunikasi dalam keluarga dan contoh komunikasi ibu bapa dalam al-Quran.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Komunikasi yang baik merupakan satu cara dakwah yang boleh digunakan oleh ibu bapa terhadap anak-anak. Individu yang mahir berkomunikasi dengan individu yang lain mampu mewujudkan suasana baik dan positif dalam membina hubungan baik sesama manusia (Mustafa 2002). Begitu juga kajian Che Hasniza & Fatimah (2011) mendapati komunikasi dalam keluarga merupakan satu institusi sosial dan dapat menjelaskan tahap perhubungan antara ahli keluarga. Ia juga turut disokong oleh Barnes dan Olson (1985) yang menjelaskan komunikasi adalah proses membina penyesuaian dalam sebuah keluarga. Kajiannya mendapati apabila hubungan komunikasi ibu bapa dengan anak berlangsung dengan baik, maka hubungan keluarga akan menjadi lancar dan memudahkan proses penyelesaian masalah jika berlaku sesuatu. Walau bagaimanapun, beberapa isu yang timbul adalah disebabkan ibu bapa yang kurang menguasai ilmu keibubapaan. Ia juga disebabkan teknik komunikasi yang digunakan kepada anak-anak kurang berkesan kerana perkataan dan bahasa yang digunakan oleh ibu bapa juga boleh menjadi penghalang dalam komunikasi (Jumali et al. 2012). Manakala kajian Mustafa (2014) mendapati kegagalan ibu bapa dalam keluarga menjadi punca utama yang menyumbang kepada keruntuhan moral, akhlak serta peribadi anak-anak. Malah ia akan melahirkan perasaan

dendam, kejam, tidak bertimbang rasa, bahkan sanggup melakukan apa sahaja demi kepentingan diri. Hal ini sekaligus akan mencetuskan kucar kacir dalam keluarga (Md. Hashim, 1987).

Oleh yang demikian, sikap dominan dalam diri ibu bapa didapati boleh mewujudkan jarak antara mereka dengan anak-anak. Ini dilihat berdasarkan sikap mereka yang tidak mendengar, suka mengkritik, bersifat tidak menghargai, tiada bahasa tubuh dan suka berhujah (Hogan & Stubbs 2008). Ini turut disokong oleh Khalid (2009) yang menyatakan bahawa terdapat ibu bapa mengasingkan anak-anak daripada perbincangan, tidak memberikan peluang kepada anak untuk mengutarakan pandangan mereka, tidak melatih anak remaja memberikan pandangan turut menghalang berlakunya komunikasi antara ibu bapa dan anak. Berdasarkan permasalahan ini, penulisan ini telah mengutarakan bentuk-bentuk komunikasi yang baik, selain mengambil contoh-contoh komunikasi yang ada dalam al-Quran yang boleh dijadikan panduan oleh ibu bapa untuk diaplikasikan kepada anak-anak.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan perancangan umum bagaimana penyelidikan yang ingin dilaksanakan dapat menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama (Chua Yan Piaw, 2014). Rekabentuk kajian merujuk kepada suatu teknik atau kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Ia dapat memastikan bahawa maklumat yang diperolehi adalah sesuai dengan persoalan masalah yang ingin diselesaikan. Di samping itu, maklumat yang dikumpul akan diperolehi dengan kaedah yang paling berkesan (Mohd Majid Konting, 1998). Penulisan ini menggunakan metode kajian kepustakaan bersumberkan al-Quran, kitab tafsir dan bahan-bahan penulisan yang berkaitan. Bahan-bahan ini telah dianalisis secara deskriptif berdasarkan analisis kandungan melalui dokumen-dokumen berkaitan.

KONSEP KOMUNIKASI

Mengikut istilah Arab, komunikasi berasal dari perkataan *ittisal* yang membawa maksud akar kata. Selain itu, komunikasi juga boleh membawa maksud *wasala* iaitu menyampaikan sesuatu (Ibn Manzur, 2010). Menurut aspek bahasa Inggeris, komunikasi disebut sebagai *communication*. Istilah komunikasi berasal dari bahasa Latin yang bermaksud *communicare* iaitu mewujudkan persamaan. Istilah komunikasi dibahaskan oleh para sarjana terkemuka sehingga membentuk model komunikasi mengikut bidang kajian masing-masing. Antaranya ialah model Laswell. Model ini menunjukkan proses komunikasi berlaku dengan bertujuan iaitu kepada siapa? Berkata apa? Mengikut saluran apa? Kepada siapa? kesannya apa?. Walaubagaimanapun, model ini tidak disepakati kerana hanya melibatkan seorang komunikator sahaja. Selain itu, konsep komunikasi diperluaskan lagi dengan perbahasan yang dibuat oleh Shanon dan Weaver. Model yang direka ini dikenali sebagai Teori Matematik Komunikasi. Ini kerana, sesuatu penyampaian mesej dianggap penting dalam memastikan komunikasi berkesan. Dalam teori ini, ia melibatkan proses antara perutusan (komunikator), saluran (media), sumber, gangguan dan perutusan (penerima mesej). Teori Newcomb menyifatkan komunikasi saling bergantung antara pengirim, mesej dan penerima. Berlo juga mengkategorikan teorinya yang dikenali sebagai SMCR iaitu S (sumber), M (mesej), C (saluran) dan R (Penerima) (Zulkefli Bin Hj. Aini, 2016).

Perbincangan mengenai konsep komunikasi turut dibahaskan secara meluas oleh sarjana tempatan. Hasyim (2001) menjelaskan komunikasi sebagai satu pakej isyarat lengkap kerana proses ini melibatkan isyarat sama ada berbentuk lisan atau sebaliknya. Malah, Aziz Salleh (2002) menjelaskan suatu komunikasi dianggap tidak bermakna tanpa teknik yang betul. Hal ini kerana manusia berkomunikasi dalam pelbagai situasi dalam kehidupan seharian mereka Mohammed Zin & Mohd Taib, 2012, Abdullah Hassan, 2001). Oleh itu, komunikasi secara asasnya melibatkan seorang individu yang bertindak sebagai penyebar maklumat, mesej iaitu maklumat yang disebarkan dan individu lain yang berperanan sebagai penerima mesej tersebut.

DEFINISI IBU BAPA

Kamus Dewan (1970) menjelaskan ibu adalah seorang individu yang diberi gelaran sebagai ibu, emak, mami dan bonda. Bapa pula digelar sebagai ayah, abah, papa dan dedi. Ibu berperanan dalam mengasuh dan membimbing anak-anak dalam institusi keluarga manakala bapa sebagai ketua pemimpin dalam menyediakan tempat tinggal, pakaian, memberi nafkah dan kasih sayang kepada isteri dan anak-anak. Rusnani (2009) menjelaskan ibu bapa adalah jawatan khusus yang dilantik tanpa rasmi dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Jawatan yang dimaksudkan merangkumi aspek amanah, tugas dan tanggungjawab sekaligus menjadikan ia sebagai jawatan utama dalam sebahagian besar anggota keluarga.

Di samping itu juga, Arrasyid turut menyenaraikan enam ciri yang perlu ada dalam diri ibu bapa untuk membentuk keluarga bahagia. Ciri-ciri tersebut adalah ibu bapa berperanan sebagai pendidik, pendorong, pengelola, perancang, inovator dan penilai dalam mendidik anak-anak. Tugas ibu bapa yang bersandarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah akhirnya mampu melahirkan anak-anak yang solih dan solehah (al-Qarni, 1990). Saedah (2003) dan Mohd. Fadzillah & Muhammad Zakaria (2005) menjelaskan ibu bapa adalah model utama yang mencerminkan contoh teladan baik yang akhirnya akan menjadi ikutan anak-anak dalam kehidupan seharian mereka.

Oleh itu, dalam kehidupan era teknologi kini, ibu bapa perlu memiliki pengetahuan yang mencukupi tentang teknologi maklumat bagi mengimbangi pengetahuan anak-anak yang begitu pantas sejajar dengan perkembangan dunia teknologi ibu bapa perlu memberi peringatan serta amaran kepada anak mereka seperti berbincang mengenai kandungan baik dan buruk internet, duduk berdekatan dengan anak-anak semasa mereka menggunakan media. Selain itu, dari aspek keselamatan internet, ibu bapa perlu sentiasa mengingatkan tentang tanggungjawab dan keselamatan penggunaan internet (Livingstone S. M., 2015).

DAKWAH DALAM KOMUNIKASI IBU BAPA

Dakwah adalah suatu usaha bagi mengajak manusia secara hikmah dalam melaksanakan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Usaha dakwah perlu dilakukan oleh ibu bapa secara berterusan agar anak-anak dapat mengamalkan ajaran Islam (Abdul Munir Ismail et al, 2013). Oleh itu, komunikasi berlaku antara ibu bapa dan anak-anak. Abdullah & Aion (2004) menerangkan komunikasi dalam sesuatu hubungan mempunyai dua unsur yang terlibat. Hal ini disebut sebagai iklim komunikasi. Iklim komunikasi yang diterangkan adalah seperti iklim biasa dalam kehidupan iaitu iklim positif dan iklim negatif. Iklim positif wujud dalam suasana yang baik, manakala iklim negatif wujud dalam suasana yang tidak baik. Kedua-dua iklim ini berkait rapat dengan komunikasi dalam keluarga. Institusi kekeluargaan Islam berperanan sebagai model dalam membentuk asas keluarga Islam, perpaduan hubungan dalam keluarga dan sebagai pelindung bagi menjamin akhlak generasi akan datang (Mustafa 1989, Muhammad Zuhair, 1995). Ibu bapa merupakan penggerak utama dalam membentuk dan membimbing anak-anak seterusnya mewujudkan keluarga muslim (Md. Hashim, 1987).

Dalam konteks komunikasi keluarga, Abdullah & Aion (2000) menyatakan ayat-ayat yang digunakan dalam komunikasi mestilah ayat yang boleh merapatkan silaturrahim. Hal ini kerana ramai orang fasih dan petah dalam bercakap tetapi tidak pandai komunikasi. Kemahiran bercakap dan kemahiran komunikasi adalah dua kemahiran yang berbeza. Ini kerana, kemahiran bercakap adalah bakat seseorang dalam mengeluarkan pertuturannya. Manakala kemahiran komunikasi berdasarkan ilmu pengetahuan (Abdullah & Aion, 2000). Abdul Muati & Zamri (2016) membahaskan kemahiran berkomunikasi penting kerana proses interaksi yang berlaku mampu memberi kesan pada individu lain dalam proses komunikasi. Perbahasannya turut menggariskan dalam komunikasi tidak digalakkan menggunakan bahasa berikut:

1. Perkataan yang membawa makna kepada arahan seperti *kenalah, wajiblah, perlulah, mestilah* dan *patutlah*.
2. Perkataan yang membawa gaya bahasa yang mengajar orang lain.
3. Tidak membetulkan perkataan seseorang sehingga menyebabkan ia malu dan berasa segan.
4. Tidak menyampuk semasa orang lain sedang bercakap.
5. Tidak menonjolkan sikap dominan diri dengan menyatakan pendapat orang lain salah atau tidak betul.

Oleh itu, ibu bapa sebagai pendakwah kepada anak-anak perlu melengkapkan diri dengan ilmu komunikasi supaya dakwah yang disampaikan memberi kesan dan membawa perubahan terhadap anak-anak yang mengalami kerosakan dan keruntuhan dari aspek akhlak dan moral. Dalam Islam proses komunikasi bermula sejak zaman Nabi Adam A.S lagi. Al-Quran dan As-Sunnah juga banyak membicarakan tentang komunikasi dalam usaha berdakwah (Hasani Ghazali, 2014).

BENTUK KOMUNIKASI DALAM KELUARGA

Dalam aspek perbincangan bentuk komunikasi dalam keluarga, terdapat dua aspek penumpuan yang boleh diamalkan dalam sesebuah institusi keluarga iaitu komunikasi lisan dan bukan lisan.

1) Komunikasi verbal

Komunikasi verbal dimaksudkan sebagai proses komunikasi yang melibatkan percakapan secara lisan untuk menyampaikan mesej kepada penerima. Komunikasi verbal membolehkan manusia menggambarkan idea dengan jelas dan menerangkan aktiviti bagi membentuk makna yang dapat dikaitkan dengan sesuatu keadaan (Hess & Coffelt, 2012). Antara komunikasi lisan adalah seperti berikut:

- a. Saling sapa menyapa dan memberikan salam

Perbuatan saling sapa menyapa dan memberikan salam sangat digalakkan di dalam Islam. Amalan ini dapat merapatkan ukhuwah dan kasih sayang antara sesama ahli keluarga. Perbuatan saling memberikan Salam ini mempunyai signifikasinya yang tersendiri dan menambahkan rasa mahabbah dan ukhuwah dalam keluarga kerana hikmah pemberian salam adalah doa. Surah Al-Nur ayat 61:

Maksudnya:

"Maka apabila kamu masuk ke mana-mana rumah, hendaklah kamu memberi salam kepada (sesiapa yang seperti) kamu dengan memohon kepada Allah cara hidup yang berkat lagi baik .

(al-Quran, Surah an-Nur: 61)

- b. Memuji, menghargai dan memberikan galakan.

Pujian, penghargaan dan galakan dapat mendorong seseorang untuk meneruskan sesuatu perbuatan yang baik. Ianya boleh dimulakan daripada ibu bapa kepada anak-anak sehingga ianya menjadi suatu budaya dan amalan dalam sesebuah keluarga itu. Keluarga yang senang memuji, menghargai dan suka memberikan galakan dapat melahirkan ahli keluarga yang berfikir positif, proaktif dan berkeyakinan tinggi. Walaubagaimanapun, terdapat pujian yang perlu di elakkan iaitu memuji hingga mencetuskan perasaan dibeza-bezakan di kalangan anak-anak. Ia hanya akan mewujudkan persaingan yang tidak sihat dan

mematikan semangat kerjasama. Antara ungkapan penghargaan yang perlu sering diungkapkan adalah kata-kata "terima kasih". Kata-kata seperti ini akan menimbulkan kepuasan kerana dihargai dan ini menyuburkan rasa kasih sayang dalam kalangan ahli keluarga.

Saat Sulaiman (2011) menyatakan ibubapa perlu kerap menuturkan kata-kata motivasi dan juga mendidik mereka supaya boleh juga memberi semangat dan motivasi kepada orang lain. Begitu juga dari sudut pertuturan, ibu bapa perlu sentiasa berkata benar kerana ia adalah salah dakwah bil hal. Di samping itu, sebarang jenis pertengkaran haruslah dielakkan agar konflik dan permusuhan tidak berlaku. Pertengkaran boleh mewujudkan kebencian dan dendam dalam hati. Ini mengakibatkan hubungan antara ahli keluarga menjadi renggang.

c. Menggunakan panggilan yang baik.

Setiap kata-kata yang keluar daripada mulut ibu bapa adalah doa. Begitu juga panggilan ibu bapa kepada anak-anak. Oleh itu, ibu bapa perlulah berusaha memilih nama yang baik dan mengajarkan ahli keluarga agar menggunakan panggilan nama yang baik kerana setiap nama yang dipanggil dapat memberikan kesan terhadap keperibadian anak-anak (Khairul Azhar Meerangani, 2017).

2. Komunikasi bukan lisan

Komunikasi bukan lisan atau non-verbal didefinisikan sebagai semua jenis interaksi manusia kecuali penggunaan perkataan. Isyarat komunikasi bukan lisan adalah bentuk isyarat komunikasi yang paling berkuasa dan ditunjukkan secara tidak langsung. Ia menyumbang kepada sokongan emosi kanak-kanak (Che Hasniza Che Noh & Fatimah Yusoff, 2011). Antara contoh komunikasi jenis ini adalah tingkah laku, bahasa badan, nada suara, kelajuan dan tekanan suara. (Jamiah Manap, et al., 2013)

a. Tingkah laku

Antara tingkah laku yang seharusnya diamalkan di dalam sesebuah keluarga adalah tingkah laku sopan dan beradab. Antara adab yang di ajarkan oleh Rasulullah adalah adab makan dan minum. Imam Bukhari, Imam Muslim meriwayatkan daripada Umar Ibnu Abi Salamah R.A. berkata:

“Saya masih anak-anak ketika berada di rumah Rasulullah S.A.W dan ketika tanganku berada di atas piring. Maka baginda berkata kepadaku, “Wahai ghlum, sebutlah nama Allah. Makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah yang terdekat denganmu”. (Muhammad Ibnu Abdul Hafidh Suwaid, 2004).

Manakala menurut Saat Sulaiaman (2011), ibu bapa perlu ambil tahu mengenai anak-anak, menghulurkan bantuan yang diperlukan.

b. Memberikan kasih sayang

Antara cara memberikan kasih sayang adalah dengan memberikan ciuman kepada anak-anak. Ciuman ini berperanan mengerakkan perasaan dan kejiwaan anak. Ciuman juga dapat melahirkan perasaan kasih sayang antara yang tua dan juga yang muda. Ciuman juga merupakan sunnah Rasulullah S.A.W. Imam Bukhari dan Muslim juga pernah meriwayatkan Bahawa Abu Hurairah R.A. berkata, “Rasulullah S.A.W. mencium cucunya, Hasan. Kemudian ada seorang sahabat yang bernama Al-Aqra bin Haris melihatnya, dan ia berkata, ‘Saya memilik sepuluh orang anak dan belum pernah memberikan mereka ciuman kepada salah satu daripada mereka.’ Maka Rasulullah S.A.W. bersabda ‘Barang siapa tidak menyayangi di tidak disayangi.’”

Hadis ini menunjukkan kepentingan ibu bapa memberikan ciuman kepada anak-anak mereka. Ia tidak juga menjadi satu kesalahan jika antara ahli keluarga memberikan ciuman dan kasih sayang sesama mereka (Muhammad Ibnu Abdul Hafidh Suwaid, 2004).

CONTOH KOMUNIKASI IBU BAPA DALAM AL-QURAN

Terdapat beberapa kaedah komunikasi dakwah yang boleh dijadikan contoh dalam proses komunikasi ibu bapa dan anak-anak yang telah dijelaskan oleh Allah S.W.T dalam kitab al-Quran. Antaranya adalah:

1. Meminta pendapat anak dalam sesuatu perkara

Kisah Nabi Ibrahim A.S dan anaknya Nabi Ismail A.S di dalam al-Quran yang menceritakan perbualan seorang ayah meminta sesuatu pendapat daripadanya anaknya dan cara didikan agama yang diterima oleh Nabi Ismail A.S sehingga Baginda sanggup berkorban demi agama kerana ingin mentaati suruhan Allah S.W.T dan perintah bapanya, Nabi Ibrahim A.S.

Maksudnya:

Maka ketika anaknya itu sampai (pada umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: "Hai anakku, sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu?" Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu, insya Allah ayah akan mendapati aku dari orang-orang yang sabar".

(al-Quran, as-Shaffat 37:102)

Berdasarkan daripada ayat di atas jelas dibuktikan komunikasi yang berlaku antara ibu bapa dan anak itu telah wujud dari zaman para anbiya'. Nabi Ibrahim A.S bertanya pendapat anaknya Nabi Ismail A.S tentang mimpi baginda. Keberhasilan Nabi Ibrahim A.S dalam membina sebuah keluarga yang sejahtera ditunjukkan dengan pelbagai petunjuk dan bukti, di antaranya adalah bagaimana baginda mendidik anaknya walaupun di usia muda, Nabi Ismail A.S mempunyai kematangan jiwa serta ketakwaan yang luar biasa. Kematangan jiwa Nabi Ismail A.S bukanlah datang dengan tiba-tiba, tetapi ada proses yang membentuknya seperti yang diceritakan dalam al-Quran (Siti Zainab, 2017).

2. Kasih sayang seorang ibu terhadap anak

Kasih sayang seorang ibu bapa dalam dilihat daripada kisah dalam al-Quran antaranya ibu Nabi Musa A.S, ibu angkat Nabi Musa A.S.

Maksudnya:

Dan Kami ilhamkan kepada ibu Musa: susukanlah dia, dalam pada itu, jika engkau takutkan sesuatu bahaya mengenainya (dari angkara Firaun), maka (letakkanlah dia di dalam peti dan) lepaskanlah dia ke laut dan janganlah engkau merasa bimbang dan jangan pula berdukacita. Sesungguhnya Kami akan mengembalikannya kepadamu, dan Kami akan melantiknya menjadi salah seorang dari Rasul-rasul Kami.

(al-Quran, al-Qasas 28: 7)

Ibu Nabi Musa A.S mengasihi dan berasa sedih kerana harus berpisah dengan anaknya. Ibn Kathir (1999) menggambarkan dalam tafsirnya bahawa rumah ibu Nabi Musa A.S menghayutkan bayinya menghala ke laut (Ismail Yusuf, 1997) dan akhirnya telah ditemui oleh permaisuri Fir'au. Tanpa berlengah permaisuri tersebut telah membuka kotak dan mendapati terdapat seorang bayi yang comel. Ayat ini menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T yang meletakkan perasaan kasih dan sayang dalam hati permaisuri Fir'au sehingga ia sanggup menjaga bayi tersebut. Kehadiran bayi tersebut telah mewujudkan sifat kasih dan sayang antara seorang ibu dan anak.

2. Ajakan seorang ayah terhadap anak ke jalan yang benar

Dalam surah Hud, Allah S.W.T telah menggambarkan kisah Nabi Nuh dengan kaum yang tidak beriman pada ketika ini. Kisah ini juga termasuk anaknya yang tidak mahu beriman kepada Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T:

Maksudnya:

(Mereka semua naik) dan bahtera itupun bergerak laju membawa mereka dalam ombak yang seperti gunung-ganang, dan (sebelum itu) Nabi Nuh memanggil anaknya, yang sedang berada di tempat yang terpisah daripadanya: "Wahai anakku, naiklah bersama-sama kami, dan janganlah engkau tinggal dengan orang-orang yang kafir". Anaknya menjawab: "Aku akan pergi berlindung ke sebuah gunung yang dapat menyelamatkan aku daripada ditenggelamkan oleh air". Nabi Nuh berkata: "Hari ini tidak ada sesuatupun yang akan dapat melindungi dari azab Allah, kecuali orang yang dikasihani oleh-Nya". Dan dengan serta-merta ombak itu pun memisahkan antara keduanya, lalu menjadilah ia (anak yang derhaka itu) dari orang-orang yang ditenggelamkan oleh taufan. Dan (setelah binasanya kaum kafir itu) diperintahkan kepada bumi dan langit dengan berkata: "Wahai bumi telanlah airmu, dan wahai langit berhentilah dari curahan hujanmu". Dan (ketika itu) surutlah air, serta terlaksanalah perintah (Allah) itu. Dan bahtera Nabi Nuh itupun berhenti di atas gunung "Judi" serta diingatkan (kepada kaum kafir umumnya bahawa): "Kebinasaanlah akhirnya bagi orang-orang yang zalim".

(al-Quran, Hud 11: 42-44)

Dalam surah ini Allah SWT telah memerintahkan Nabi Nuh dan pengikutnya yang beriman kepada Allah SWT supaya menaiki kapal yang dibina untuk merentasi banjir yang besar pada ketika itu. Ditafsirkan pada ketika itu, permukaan air menjadi sangat tinggi sehingga melebihi paras daratan dan gunung-ganang yang ada. Dengan kuasa Allah SWT, perahu atau bahtera yang dibina tersebut mampu berjalan di permukaan air yang sangat tinggi. Dalam Tafsir Ibn Kathir (1999) menyatakan bahawa Nabi Nuh telah memanggil anaknya yang bernama Yaam, supaya bersama-sama menaiki perahu tersebut. Namun malangnya, anaknya

yang kafir ketika itu masih mempercayai bahawa air tersebut tidak akan melebihi paras kawasan tanah tinggi dan menyatakan bahawa ia akan berlandung di kawasan puncak. Dalam tafsiran ayat ini dapat dilihat kasih sayang seorang bapa terhadap anaknya. Nabi Nuh mengingatkan anaknya bahawa tidak ada yang mampu selamat melainkan dengan perlindungan daripada Allah SWT. Akhirnya, kaum kafir tenggelam dan tiada yang terselamat termasuk anak Nabi Nuh. Dalam ayat ini, Qatadah berkata bahawa perahu tersebut berada di puncak gunung Judi di bumi al-Jazirah selama sebulan pada ketika itu. Ayat ini juga menafsirkan bahawa sesungguhnya Allah telah menenggelamkan semua kafir termasuk kediaman mereka. Malah, Allah SWT juga telah memerintahkan langit supaya menahan air hujan supaya kandungan air semakin berkurangan. Ikrimah berpendapat bahawa Nabi Nuh telah menaiki perahu tersebut pada 10 Rejab dan berlabuh di atas bukit Judi pada 10 Muharram. Perjalanan tersebut mengambil masa selama enam bulan (al-Qurthubi, 2008). Manakala wasiat juga telah dilakukan agar anak-anak di jalan yang benar berdasarkan kisah Nabi Yaakob A.S. Nabi Yaakob A.S berwasiat dan berkata, "Wahai anak-anakku, sesungguhnya Allah telah memilih agama ini untukmu." Oleh itu, Ibrahim memberikan wasiat kepada anak-anaknya, begitu juga Ya'qub memberikan wasiat kepada anak-anaknya (Al-Qurtubi, 2001) agar tetap dalam Islam dan jangan meninggalkan (Islam) sehingga anak-anaknya meninggal dunia.

Demikian kisah ini sebagai teladan dan petunjuk umat manusia ketika ini.

4. Kerahsiaan dalam berkomunikasi

Dalam Surah Yusuf, Allah S.W.T telah menceritakan kisah mengenai mimpi yang dialami oleh Nabi Yusuf. Dalam kisah ini menggambarkan bagaimana kasih sayang seorang bapa iaitu Nabi Yaakob kepada anaknya Nabi Yusuf agar tidak menghebahkan mimpinya tersebut dikhuatiri akan memberi kesan buruk terhadap diri anaknya. Firman Allah S.W.T dalam Surah Yusuf 12 (4-6):

Maksudnya:

Ingatlah peristiwa ketika Nabi Yusuf berkata kepada bapanya: "Wahai ayahku, sesungguhnya aku mimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan. Aku melihat mereka tunduk memberi hormat kepadaku". Bapanya berkata: Wahai anakku, janganlah engkau ceritakan mimpimu kepada saudara-saudaramu, kerana aku khuatir mereka akan menjalankan sesuatu rancangan jahat terhadapmu. Sesungguhnya syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia. Dan demikianlah caranya Tuhanmu memilihmu, dan akan mengajarmu takbir mimpi, serta akan menyempurnakan nikmat-Nya kepadamu dan kepada keluarga Yaakub sebagaimana ia telah menyempurnakannya kepada datuk nenekmu dahulu Ibrahim dan Ishak. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana".

(al-Quran, Surah Yusuf 12: 4-6)

Ibn Abbas mengatakan bahawa mimpi setiap Nabi adalah wahyu. Dalam Tafsir Ibn Kathir (1999) menafsirkan bahawa para ulama telah menafsirkan (*ta'bir*) mimpi Nabi Yusuf yang dikatakan melihat sebanyak sebelas bintang, satu matahari dan satu bulan sedang sujud kepadanya. Menurut Zaid Bin Aslam, Qatadah, Sufyan at-Tsauri, Ibn Abbas dan ad-Dhahakk, sebelas bintang merujuk kepada sebelas orang adik beradik Nabi Yusuf A.S manakala bulan dan matahari merujuk kepada seorang ibu dan seorang bapa Nabi Yusuf. Tafsir A.R Razi (2006) menafsirkan bahawa ayat ini menggambarkan mimpi Nabi Yusuf A.S tersebut sebagai petanda bahawa Allah telah melantiknya untuk menjadi seorang Rasul. Dalam kisah ini, bapa Nabi Yusuf iaitu Nabi Yaakob A.S melarang anaknya Nabi Yusuf A.S daripada menceritakan perihal mimpi tersebut kepada saudaranya yang lain dikhuatiri akan menimbulkan salah faham, sifat dengki dan timbul keinginan untuk mencederakan atau memperdayakan Nabi Yusuf A.S. Mengikut ahli tafsir, melalui mimpi yang dialami oleh Nabi Yusuf A.S menggambarkan bahawa Allah S.W.T telah mengutuskan wahyu dan melantiknya menjadi sebagai seorang Nabi (Tafsir IbnKathir,1999)

KESIMPULAN

Komunikasi antara ibu bapa terhadap anak adalah penting dalam intitusi kekeluargaan. Oleh itu, ibu bapa perlu mengetahui bentuk komunikasi dakwah yang betul. Al-Quran telah memaparkan beberapa contoh ibu bapa dan bentuk komunikasi yang digunakan terhadap anak-anak. Antaranya Nabi Ibrahim A.S, Nabi Nuh A.S dan Nabi Yaakob A.S serta Ummu Musa. Begitu juga gambaran kasih sayang ibu bapa terhadap anak dan mengingatkan anak mereka agar menyembah Allah S.W.T serta menjaga kerahsiaan. Justeru ibu bapa masa kini perlu mengambil pengajaran kaedah komunikasi yang berkesan untuk diaplikasikan terhadap anak-anak.

RUJUKAN

Al-Quran.

Abdul Muati @ Zamri Ahmad. (2016). *Psikologi Dalam Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abdul Munir Ismail, Abd Rahman bin Abd Ghani, Mohd Noor Daud, Shahrulanuar bin Mohamed, 2013. Pendekatan Dakwah Oleh Ibu Bapa Suku Banjar Bagi Membentuk Anak Patuh Kepada Ajaran Islam. *Journal of Human Capital Development*. Vol. 6 No. 2: 125-144
- Barnes, H.L. & Olson, D.H. (1985). Parent-Adolescent Communication And The Circumplex Model. *Child Development*. 56: 438-477.
- Che Hasniza Che Noh & Fatimah Yusof. (2011). Corak Komunikasi Keluarga dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari* 3(2): 45-62.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan.Ed ketiga*. Selangor : Mc Graw Hill Education.
- Hasani Ghazali. (2014). Komunikasi Dakwah Pensyarah Terhadap Pelajar di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.
- Ibnu Kathir. 1999. *Tafsir Ibn Kathir*. Jilid 1. Riyadh: Maktabah Darus Salam.
- Ismail, S. (2018). Elemen Komunikasi Bapa dalam Surah Luqman. *International Conference on Islamiyyat Studies 2018*, 337.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012.). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. pp. 1-14.
- Kamus Dewan*. (1970). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Livingstone, S. M. (2015). How Parents of Young Children Manage Digital Devices At Home: The Role of Income, Education and Parental Style. *LSE The London School of Economics And Political Science*.
- Matondang, A., & Siddik, D. (2017). Family Education in the Quran. *IOSR Journal of Humanities and Social Science*, 11.
- Mizani, Z. M. (2017). Komunikasi Orang Tua dan Anak dalam Islam.(Tinjauan Pedagogis Komunikasi Nabi Ibrahim Dengan Nabi Ismail Dalam Al- Qur ' An). *Jurnal Kependidikan Dasar Islam Berbasis Sains*. 2 (1):96–106
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad, M., & Nawati, D. N. (2011). *Indahnya Didikan Awal Anak Cara Islam*. Batu Caves, Selangor: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Muhammad Zuhair. (1995). *Pendidikan Iman Dan Akhlak dalam Kekeluargaan*. Johor: Perniagaan Jahabersa.
- Mustafa Daud. (2014). *Pendidikan Keibubapaan: Satu Pengenalan Ringkas*. Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan. Jabatan Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia. 1-14.
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rusnani Abdul Kadir. (2009). *Pendidikan Keibubapaan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM).
- Pupu, Saeful Rahmat. (2009). Penelitian Kualitatif. *Jurnal Equilibrium*.
- Al-Qurtubi (2001). *Mukhtasir Tafsir al-Qurtubi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Saat Sulaiman. (2011). *Tip Menjadi Ibubapa Mithali*. Batu Caves, Selangor: PTS Millennia SDN. BHD.
- Saedah Siraj. (2003). *Pendidikan Anak-Anak*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
- Siti Zainab. (2017). Komunikasi Orang Tua-Anak Menurut Al-Quran. *Jurnal NALAR, I(I)*, 48-58.
- Sulaiman, S. (2006). *Panduan Menjadi Ibu Bapa Cemertlang*. Batu Caves, Selangor: PTS SDN BHD.
- Zulkefli Bin Aini. (2016). *Pengantar Komunikasi Dakwah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.